



TZE Tzin (tengah) bergambar dengan felo dan ahli MCVS pada majlis perasmian Kongres VAM ke-30 di Petaling Jaya semalam.

MCVS hab lahirkan pengamal veterinar berkemahiran

PETALING JAYA - Pelancaran secara rasmi Kolej Pakar Veterinar Malaysia (MCVS) oleh Persatuan Veterinar Malaysia (VAM) semalam disifatkan sebagai satu lakaran sejarah bagi profesion veterinar di negara ini.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr. Mohd. Hair Bejo (**gambar**) berkata, pelancaran kolej tersebut

membuktikan bahawa profesion dan kerjaya dalam bidang veterinar semakin mendapat tempat dan keperluannya di Malaysia.

"Alhamdulillah dengan tertubuhnya dan secara rasminya disempurnakan hari ini (semalam), MCVS bakal menjadi medan dan hab bagi kesemua pengamal veterinar dalam



pergigian, patologi, fisiologi, dermatologi dan banyak lagi," katanya.

Beliau berkata demikian

mendapatkan kepakaran tersendiri.

"Secara umumnya, MCVS menawarkan 32 bidang kepakaran khusus di bawah skop veterinar termasuklah pemakanan haiwan, kebajikan haiwan,

pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Kongres VAM ke-30 di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tin dan Pengerusi Kongres VAM ke-30, Datuk Dr. Norlizan Mohd. Noor.

Menurut Mohd. Hair, MCVS kini mempunyai 22 ahli bagi pengambilan pertamanya yang merangkumi lima orang felo yang mempunyai kepakaran

dalam bidang masing-masing, manakala selebihnya adalah ahli kolej.

Katanya, MCVS yang berpangkalan di UPM sentiasa membuka peluang kepada semua kakitangan veterinar termasuklah pendidik, pengamal dan sesiapa sahaja yang berminat dalam melanjutkan pendidikan mengikut kepakaran yang diminati dalam bidang veterinar.